

GIATMARA MALAYSIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera yang berpengalaman, berkepercayaan dan berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPPIM)/CIDB bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

CADANGAN NAIKTARAF PREMIS SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI GIATMARA CHERAS, WILAYAH PERSEKUTUAN

NO SEBUT HARGA	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TEMPOH DAN TEMPAT PENJUALAN SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
GMWP (PGN) SH2 / 2022	TARIKH : 01 NOVEMBER 2022 MASA : 09.00 PAGI TEMPAT : GIATMARA CHERAS, LOT 70-2, 72-1 & 76-2, AMBER BUSINESS PLAZA 2, JALAN JELAWAT 1, BANDAR TUN RAZAK, 56000 CHERAS, KUALA LUMPUR.	TEMPOH PENJUALAN: 01 NOVEMBER 2022 09.00 PAGI SEHINGGA 11.00 PAGI TEMPAT PENJUALAN: GIATMARA CHERAS, LOT 70-2, 72-1 & 76-2, AMBER BUSINESS PLAZA 2, JALAN JELAWAT 1, BANDAR TUN RAZAK, 56000 CHERAS, KUALA LUMPUR.	1. Kontraktor DIWAJIBKAN untuk membuat *pendaftaran secara atas talian dengan capaian pautan atau mengimbas QR kod seperti di bawah:  *kontraktor perlu memuat naik semua salinan lesen berkaitan di dalam pautan seperti di para 2. 2. Kod Bidang Kerja Berkaitan: CIDB GRED : G1 KATEGORI : B PENGKHUSUSAN : 04 PARA KONTRAKTOR DIINGATKAN AGAR MEMATUHI GARIS PANDUAN MAJLIS KESELAMATAN NEGARA SEPANJANG PROSES JUALAN SEBUT HARGA DIJALANKAN.	RM 25.00	TARIKH: 11 NOVEMBER 2022 MASA: 12.00 T/HARI

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan siji-siji berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen:-

- Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia **SSM**.
- Perakuan Pendaftaran Kontraktor oleh **CIDB**.
- Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh **CIDB**.
- Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari **BPKU**.

Satu (1) salinan **SIJIL-SIJIL** di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan **GIATMARA** semasa mengambil dokumen. **GIATMARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **GIATMARA** tidak layak.

3. Dokumen sebut harga boleh diperolehi pada tarikh dan waktu taklimat tapak. Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.

4. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebutharga seperti alamat di atas. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat sebutharga dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT/PENAMA** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKAUN PENDAFTARAN SYARIKAT** untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat sebutharga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh **GIATMARA** semasa menghadiri taklimat sebutharga.

- Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor.
- GIATMARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **GIATMARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
- Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Sebut Harga dan Tajuk Kerja** di sebelah kiri bahagian atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah:-

PENGARAH GIATMARA WILAYAH PERSEKUTUAN
29-1, JALAN 46B/26
PUSAT BANDAR SRI RAMPAI, SETAPAK
53300 KUALA LUMPUR

Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga 11 NOVEMBER 2022 jam 12.00 tengahari

8. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan diterima. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh layari <http://www.giatmara.edu.my/>